

QUICK CASH MONTHLY INTEREST CONNECT EXCLUSIVE

Last updated on 13 July 2021

The Quick Cash Monthly Interest Connect Exclusive Terms and Conditions herein (“**QC MI T&Cs**”) below are to be read together with the Hong Leong Bank’s (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) Cardholder Agreement (“**the Agreement**”).

TERMS & CONDITIONS

The following sets out the QC MI T&Cs.

ELIGIBILITY

1. The Quick Cash Monthly Interest Connect Exclusive (“**QC MI**”) is open to selected existing principal cardholders of HLB credit card (“**Credit Card**”) of the following criteria (“**Eligible Cardholders**”):
 - (a) who have submitted for the QC MI applications via HLB Connect Online Banking or HLB Connect App; and
 - (b) whose Credit Card accounts are in good standing and/or not in delinquent.
2. The following shall **NOT** be eligible for QC MI application:
 - (a) Principal cardholders who have committed or are suspected of committing any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to any of the facilities granted by HLB or Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) (“**HLISB**”); or
 - (b) Principal cardholders who have been declared bankrupt (pursuant to a petition by either banks or by any third parties) or is subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to, during or after QC MI application.
3. HLB reserves the right to disqualify the Eligible Cardholders from applying QC MI if their Credit Card accounts are blocked or in default.

MECHANICS

4. QC MI allows the Eligible Cardholders to draw at a minimum amount of Ringgit Malaysia One Thousand Five Hundred (RM1,500) or a maximum amount up to 90% of existing available credit limit under the Eligible Cardholders’ Credit Card, subject to HLB’s approval.
5. The amount approved by HLB pursuant to this QC MI programme shall be called “**QC MI Approved Amount**” and to be credited to the Eligible Customers’ personal current account or savings account (“**CASA**”) maintained with either HLB or with other banks in Malaysia via InterBank GIRO (“**IBG**”).
6. The Eligible Cardholders shall specify the amount they wish to draw (“**QC MI Amount**”), select the relevant **QC MI Tenure** as set out in Table 1 below and provide the details of the recipient bank for crediting of the QC MI Approved Amount.
7. The Eligible Cardholders shall not be entitled to any rewards points or cash rebates for the QC MI programme.
8. All applications for QC MI by the Eligible Cardholders must be submitted via HLB Connect Online Banking or HLB Connect App only. The Eligible Cardholders will be notified either via email or Short Message System (“**SMS**”) based on the email addresses and contact numbers captured in HLB’s system once their QC MI applications have been approved.
9. Upon approval, the corresponding amount of the Eligible Cardholders’ existing available credit limit will be reduced to the extent of the QC MI Approved Amount. The available credit limit will be progressively restored on a monthly basis when the Eligible Cardholders repay the QC MI Monthly Instalment (defined under Clause 11) according to the QC MI Tenure selected by the Eligible

Cardholders as set out in Table 1 below. HLB shall not be liable for any Credit Card transactions rejected by merchants due to insufficient credit limit arising therefrom.

10. The QC MI plans available and the QC MI Flat Interest Rate (“**QC MI Interest Rate**”), QC MI Effective Interest Rate depending on tenure (“**QC MI EIR**”) and the “**QC MI Tenure**” are defined in Table 1.

Table 1

QC MI Amount	QC MI Interest Rate	QC MI EIR	QC MI Tenure
RM1,500 – RM10,000	8.88% p.a.	15.53% p.a. – 16.22% p.a.	12, 18, 24, 36, 48 and 60 months
RM10,100 – RM24,900	8.38% p.a.	14.73% p.a. – 15.34% p.a.	
RM25,000 and above	6.38% p.a.	11.48% p.a. – 11.81% p.a.	

11. During the QC MI Tenure, the Eligible Cardholders shall repay the QC MI Approved Amount by the way of equal monthly instalments (“**QC MI Monthly Instalment**”). Neither the QC MI Tenure nor the QC MI Monthly Instalment may be changed.
12. The **QC MI Interest Amount** will be calculated based on the following formula:

$$\frac{QC\ MI\ Approved\ Amount \times QC\ MI\ Interest\ Rate \times QC\ MI\ Tenure}{12}$$

13. The **QC MI Monthly Instalment** will be calculated based on the following formula:

$$\frac{QC\ MI\ Approved\ Amount + QC\ MI\ Interest\ Amount}{QC\ MI\ Tenure}$$

Example

An Eligible Customer applies for QC MI Amount of Ringgit Malaysia Eight Thousand (RM8,000) on a twelve (12) months QC MI Tenure at QC MI Interest Rate of 8.88% p.a. Based on this example, the QC MI Monthly Instalment payable over the twelve (12) months tenure will be Ringgit Malaysia Seven Hundred Twenty-Five and Cents Eighty-Seven (RM725.87).

Illustration below shown the monthly principal deduction amount and the monthly interest amount charged in the respective monthly Instalment.

Illustration

Month	Principal (RM)	Instalment (RM)	Monthly Interest (RM)	Principal Reduction (RM)	Balance Principal (RM)
	(A)	(B)	(C)	(D) = (B-C)	(A-D)
1	8,000.00	725.87	106.70	619.17	7,380.83
2	7,380.83	725.87	98.44	627.42	6,753.41
3	6,753.41	725.87	90.07	635.79	6,117.62
4	6,117.62	725.87	81.59	644.27	5,473.35
5	5,473.35	725.87	73.00	652.86	4,820.48
6	4,820.48	725.87	64.29	661.57	4,158.91
7	4,158.91	725.87	55.47	670.40	3,488.51
8	3,488.51	725.87	46.53	679.34	2,809.18

Month	Principal (RM)	Instalment (RM)	Monthly Interest (RM)	Principal Reduction (RM)	Balance Principal (RM)
	(A)	(B)	(C)	(D) = (B-C)	(A-D)
9	2,809.18	725.87	37.47	688.40	2,120.78
10	2,120.78	725.87	28.29	697.58	1,423.20
11	1,423.20	725.87	18.98	706.88	716.31
12	716.31	725.87	9.55	716.31	0.00

14. A handling fee of Ringgit Malaysia Twelve (RM12) for each successful QC MI application will be charged to the Eligible Cardholder's Credit Card account.
15. The Eligible Cardholders shall pay the fixed QC MI Monthly Instalment in full, which is part of the monthly Minimum Payment as stated in the Credit Card monthly statement by the payment due date. "**Minimum Payment**" is defined as:
- 5% of the Outstanding Balance in the Credit Card account billed to the respective Credit Card monthly statement in additional to the QC MI Monthly Instalment payable; or
 - Ringgit Malaysia Fifty (RM50), whichever is higher.
- For the avoidance of doubt, "**Outstanding Balance**" means the outstanding balance due including fees, accrued interest, finance charges and other charges.
16. If the Eligible Cardholders default in paying the Minimum Payment, an additional late payment fee of 1% will be charged on the Outstanding Balance and the QC MI Monthly Instalment payable as reflected on the Credit Card account statement, subject to a minimum of Ringgit Malaysia Ten (RM10), or a maximum of Ringgit Malaysia One Hundred (RM100), whichever is higher.
17. Upon occurrence of any of the following events:
- the Eligible Cardholders breach any of the QC MI T&Cs as well as the prevailing terms and conditions of the Cardholder Agreement;
 - the Eligible Cardholders' Credit Card accounts are in default for ninety (90) days and above; and/or
 - the Eligible Cardholders' Credit Card accounts are cancelled or terminated before the expiry of the QC MI Tenure,

the Outstanding Balance of the QC MI Approved Amount shall immediately become due and payable and the Eligible Cardholders shall forthwith settle the Outstanding Balance. Otherwise, the approved QC MI Interest Rate will be retracted and an interest of 18% p.a will be charged on Outstanding Balance on daily basis until the date of full repayment. Except if the QC MI is applied under Hong Leong Platinum Business Card, the Outstanding Balance will be treated as if the amount was charged from a retail transaction where the prevailing finance charges based on Tiered Pricing Structure shall be levied.

18. If the Eligible Cardholders intend to early settle the Outstanding Balance of the QC MI Approved Amount before the expiry of the QC MI Tenure:
- the Eligible Cardholders must give at least one (1) month's prior notice to HLB and shall continue to pay the QC MI Monthly Instalment, until the settlement amount is billed to the Eligible Cardholders and reflected on the following month Credit Card statement; and
 - an early settlement penalty of Ringgit Malaysia Twenty-Five (RM25) will be charged to the Eligible Cardholders' Credit Card account.
19. Subject to the clauses above and the total prescribed credit limit of the Eligible Cardholders' Credit Card account, the Eligible Cardholders may apply for a second QC MI subject to HLB's approval, HLB's prevailing terms and conditions and standard QC MI interest rates.

GENERAL

20. The Eligible Cardholders agree:
- (a) to have read, understood and to be bound by the QC MI T&Cs herein;
 - (b) that HLB's decision on all matters relating to the QC MI shall be final, conclusive and binding on all Eligible Cardholders;
 - (c) to access HLB's website at www.hlb.com.my ("**HLB's Website**") at regular intervals to view the T&Cs of the product and keep up-to-date on any changes or variations to the QC MI T&Cs; and
 - (d) to authorize HLB to disclose their personal data i.e. email addresses and/or contact numbers to the authorized 3rd party service provider, e.g. Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) and/or DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) as HLB deems fit for the purpose of sending letter, email and/or SMS for the QC MI applications.
21. HLB reserves the right:
- (a) to reject the QC MI application submitted by the Eligible Cardholders with assigning reasons for doing so;
 - (b) to disqualify any Eligible Cardholders from applying for QC MI with assigning reasons for doing so; and
 - (c) to add, delete, suspend or vary the QC MI T&Cs contained herein, either wholly or in part, by way of posting on HLB's Website, or in any manner deemed suitable by HLB at any time with prior notice.
22. In addition to the terms stipulated above, the Eligible Cardholders agree that the general terms and conditions in the Agreement shall be read together with these QC MI T&Cs as an entire agreement. In the event of any discrepancies between these QC MI T&Cs and the general terms and conditions contained in the Agreement, the specific QC MI T&Cs herein above shall prevail to the extent of such discrepancies.
23. In the event of any discrepancies between the QC MI T&Cs herein and any advertising, publicity and other materials relating to or in connection with QC MI, the final QC MI T&Cs on HLB's Website shall prevail.
24. The QC MI T&Cs herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Eligible Cardholders agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

QUICK CASH FAEDAH BULANAN EKSKLUSIF CONNECT

Dikemas kini pada 13 Julai 2021

Terma dan Syarat Quick Cash Faedah Bulanan (Quick Cash Monthly Interest) Eksklusif Connect ("**T&S QC MI**") ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank (19340100023 (97141-X)) ("**HLB**").

TERMA DAN SYARAT

Berikut adalah T&S QC MI yang berkenaan.

KELAYAKAN

1. Quick Cash Faedah Bulanan (Quick Cash Monthly Interest) ("**QC MI**") ini terbuka untuk pemegang kad utama kad kredit HLB ("Kad Kredit") sedia ada yang bersesuaian ke atas kriteria berikut ("Pemegang Kad Layak"):
 - (a) yang telah mengemukakan permohonan QC MI secara atas talian melalui HLB Connect Online Banking atau Aplikasi HLB Connect; dan
 - (b) yang dengan akaun Kad Kredit yang mempunyai reputasi baik dan/atau tidak tertunggak.
2. Pemegang kad berikut TIDAK layak untuk permohonan QC MI:
 - (a) Pemegang kad utama yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) ("**HLISB**"); atau
 - (b) Pemegang kad utama yang telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh mana-mana bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas permohonan QC MI.
3. HLB berhak untuk membatalkan penyertaan Pemegang Kad Layak daripada memohon QC MI jika akaun Kad Kredit mereka disekat atau ingkar.

MEKANIK

4. QC MI membenarkan Pemegang Kad Layak mengeluarkan amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Seribu Lima Ratus (RM1,500) atau amaun maksimum sehingga 90% daripada had kredit sedia ada pada Pemegang Kad Layak, tertakluk kepada kelulusan HLB.
5. Amaun yang diluluskan dalam program QC MI adalah dirujuk sebagai "**Amaun QC MI Diluluskan**" dan akan dikreditkan ke akaun semasa atau simpanan peribadi ("**CASA**") Pemegang Kad Layak yang diselenggarakan dengan HLB atau dengan bank-bank lain di Malaysia melalui InterBank GIRO ("**IBG**").
6. Pemegang Kad Layak harus menentukan amaun yang mereka ingin mengeluarkan ("**Amaun QC MI**", pilih **Tempoh QC MI** seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah dan memberikan butiran bank penerima untuk mengkreditkan Amaun QC MI Diluluskan.
7. Pemegang Kad Layak tidak akan diberikan mata ganjaran atau rebat tunai untuk program QC MI.
8. Semua permohonan QC MI oleh Pemegang Kad Layak hendaklah dikemukakan secara atas talian melalui HLB Connect Online Banking atau Aplikasi HLB Connect sahaja. Pemegang Kad Layak akan diberitahu sama ada melalui e-mel dan/atau Sistem Pesanan Ringkas ("**SMS**") berdasarkan alamat e-mel dan nombor telefon yang tertera dalam sistem HLB apabila permohonan QC MI mereka telah diluluskan.

9. Setelah permohonan diluluskan, had kredit sedia ada pada Pemegang Kad Layak akan dikurangkan setara dengan Amaun QC MI Diluluskan. Had kredit sedia ada akan dipulihkan secara progresif setiap bulan apabila Pemegang Kad Layak membayar Ansuran Bulanan QC MI (ditakrifkan dalam Klausa 11 di bawah) menurut Tempoh QC MI yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang transaksi Kad Kredit yang ditolak oleh peniaga-peniaga akibat daripada had kredit yang tidak mencukupi.
10. Pelan QC MI yang tersedia, kadar faedah Tetap QC MI ("**Kadar Faedah QC MI**"), Kadar Faedah Efektif menurut tempoh ansuran ("**EIR QC MI**") dan tempoh ansuran QC MI ("**Tempoh QC MI**") adalah seperti ditakrifkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Amaun QC MI	Kadar Faedah QC MI	EIR QC MI	Tempoh QC MI
RM1,500 – RM10,000	8.88% setahun	15.53% – 16.22% setahun	12, 18, 24, 36, 48 and 60 bulan
RM10,100 – RM24,900	8.38% setahun	14.73% – 15.34% setahun	
RM25,000 dan ke atas	6.38% setahun	11.48% – 11.81% setahun	

11. Semasa dalam Tempoh QC MI, Pemegang Kad Layak akan membayar Amaun QC MI Diluluskan dengan cara ansuran bulanan yang sama ("**Ansuran Bulanan QC MI**"). Kedua-dua Tempoh QC MI and Ansuran Bulanan QC MI tidak dibenarkan berubah.
12. **Amaun Faedah QC MI** akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Amaun QC MI Diluluskan} \times \text{Kadar Faedah QC MI} \times \text{Tempoh QC MI}}{12}$$

13. **Ansuran Bulanan QC MI** akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Amaun QC MI Diluluskan} + \text{Amaun Faedah QC MI}}{\text{Tempoh QC MI}}$$

Contoh

Pemegang Kad Layak memohon untuk Amaun QC MI sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Ribu (RM8,000) pada Tempoh QC MI dua belas (12) bulan dengan Kadar Faedah QC MI 8.88% setahun. Berdasarkan contoh ini, Ansuran Bulanan QC MI dalam tempoh dua belas (12) bulan adalah Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Dua Puluh Lima dan Sen Lapan Puluh Tujuh (RM725.87).

Ilustrasi di bawah menunjukkan jumlah pengurangan amaun prinsipal dan jumlah faedah bulanan yang dikenakan pada ansuran bulanan masing-masing.

Ilustrasi

Bulan	Prinsipal (RM)	Ansuran (RM)	Faedah Bulanan (RM)	Pengurangan Prinsipal (RM)	Baki Prinsipal (RM)
	(A)	(B)	(C)	(D) = (B-C)	(A-D)
1	8,000.00	725.87	106.70	619.17	7,380.83
2	7,380.83	725.87	98.44	627.42	6,753.41
3	6,753.41	725.87	90.07	635.79	6,117.62
4	6,117.62	725.87	81.59	644.27	5,473.35
5	5,473.35	725.87	73.00	652.86	4,820.48

Bulan	Prinsipal (RM)	Ansuran (RM)	Faedah Bulanan (RM)	Pengurangan Prinsipal (RM)	Baki Prinsipal (RM)
	(A)	(B)	(C)	(D) = (B-C)	(A-D)
6	4,820.48	725.87	64.29	661.57	4,158.91
7	4,158.91	725.87	55.47	670.40	3,488.51
8	3,488.51	725.87	46.53	679.34	2,809.18
9	2,809.18	725.87	37.47	688.40	2,120.78
10	2,120.78	725.87	28.29	697.58	1,423.20
11	1,423.20	725.87	18.98	706.88	716.31
12	716.31	725.87	9.55	716.31	0.00

14. Fi pengendalian sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas (RM12) akan dikenakan ke akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak untuk setiap permohonan QC MI yang diluluskan.
15. Pemegang Kad Layak hendaklah membayar sepenuhnya Ansuran Bulanan QC MI yang tetap mengikut tarikh akhir pembayaran. Ansuran Bulanan QC MI adalah sebahagian daripada Pembayaran Minimum bulanan yang dinyatakan di dalam penyata bulanan Kad Kredit. "**Pembayaran Minimum**" ditakrifkan sebagai:
- 5% daripada Baki Tertunggak di dalam akaun Kad Kredit yang dibilkan ke dalam penyata bulanan Kad Kredit bersama dengan Ansuran Bulanan QC MI; atau
 - Ringgit Malaysia Lima puluh (RM50) yang mana lebih tinggi.
- Untuk mengelakkan keraguan, "**Baki Tertunggak**" bermaksud baki yang belum dijelaskan termasuk yuran, faedah terakru, caj kewangan dan caj-caj lain.
16. Sekiranya Pemegang Kad Layak gagal membuat Pembayaran Minimum, caj pembayaran lewat sebanyak 1% akan dikenakan atas Baki Tertunggak dan Ansuran Bulanan QC MI yang perlu dibayar seperti yang ditunjukkan dalam penyata akaun Kad Kredit, tertakluk kepada minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), atau maksimum Ringgit Malaysia Seratus (RM100), yang mana lebih tinggi.
17. Apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
- Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana T&S QC MI serta terma dan syarat dalam Perjanjian;
 - Akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak ingkar selama sembilan puluh (90) hari ke atas; dan/atau
 - Akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak dibatalkan atau ditamatkan sebelum tamat Tempoh QC MI,

Baki Tertunggak daripada Amaun QC MI Diluluskan akan serta-merta menjadi terhutang dan perlu dibayar. Pemegang Kad Layak hendaklah menyelesaikan Baki Tertunggak tersebut dengan segera. Jika tidak, Kadar Faedah QC MI yang diluluskan akan ditarik balik dan faedah sebanyak 18% setahun akan dikenakan setiap hari ke atas Baki Tertunggak tersebut sehingga tarikh pembayaran penuh. Kecuali jika QC MI yang dimohon melalui Kad Hong Leong Platinum Business, Baki Tertunggak akan diperlakukan sebagai amaun daripada transaksi runcit di mana caj kewangan yang dikenakan adalah berdasarkan Struktur Harga Mengikut Kumpulan.

18. Sekiranya Pemegang Kad Layak ingin menyelesaikan sepenuhnya Baki Tunggak Amaun QC MI Diluluskan sebelum tamat Tempoh QC MI:
- Pemegang Kad Layak dikehendakkan memberi notis awal sekurang-kurangnya satu (1) bulan kepada HLB dan terus membayar Ansuran Bulanan QC MI sehingga jumlah amaun penyelesaian dibilkan kepada Pemegang Kad Layak dan ditunjukkan dalam penyata Kad Kredit bulan berikutnya; dan

(b) Fi penyelesaian awal sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) akan dikenakan ke atas Akaun Kad Kredi Pemegang Kad Layak.

19. Tertakluk kepada klausa-klausa di atas dan jumlah had kredit yang ditetapkan pada akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak, Pemegang Kad Layak boleh membuat pemohonan QC MI yang kedua tertakluk kepada kelulusan HLB, terma dan syarat HLB serta kadar standard QC MI HLB.

AM

20. Pemegang Kad Layak bersetuju:

- (a) untuk membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S QC MI di sini;
- (b) bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara berkaitan dengan QC MI adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pemegang Kad Layak;
- (c) untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") secara kerap untuk menyemak T&S berkenaan dengan produk dan memastikan sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S QC MI; dan
- (d) Memberi kuasa kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi iaitu alamat surat-menyurat/ e-mel dan/atau nombor hubungan kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan, contohnya Compugraphic Media Sdn Bhd (200001002485 (505090-W)), Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) sebagaimana yang dianggap sesuai oleh HLB bagi menghantar surat, e-mel dan/atau SMS untuk tujuan permohonan QC MI.

21. HLB berhak:

- (a) untuk menolak permohonan QC MI yang dikemukakan oleh Pemegang Kad Layak dan memberikan sebab-sebab untuk berbuat demikian;
- (b) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak daripada memohon QC MI dan memberikan sebab-sebab untuk berbuat demikian; dan
- (c) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S QC MI yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB melalui paparan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu.

22. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian hendaklah dibaca bersama dengan T&S QC MI ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S QC MI ini dengan terma dan syarat am yang terkandung di dalam Perjanjian, terma and syarat khusus QC MI di sini akan diguna pakai setakat perbezaan tersebut.

23. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S QC MI di sini berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubungan dengan QC MI, T&S QC MI di dalam Laman Web HLB adalah muktamad dan hendaklah diutamakan.

24. T&S QC MI ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.